

Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15): Analisis Bias Media Portal Berita dalam Talian di Malaysia

SUHANA SAAD
SHAHRUL NAZMI SANNUSI*
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pilihan Raya umum ke-15 (PRU15) Malaysia merupakan pilihanraya umum pertama pasca pandemik COVID-19 yang memperlihatkan terdapat keadaan ketidakstabilan politik yang melanda negara pada ketika itu. Pada ketika ini, media berperanan penting dalam menyalurkan maklumat yang telus dan sah kepada masyarakat. Pemerksaan digital telah memperlihatkan media dalam talian menjadi satu platform yang menjadi tunjang untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, timbul persoalan adakah portal berita bebas utama Malaysia menyediakan liputan berita PRU15 mengikut ideologi organisasi berita atau menurut perspektif wartawan? Sehubungan itu, objektif utama dalam penyelidikan ini adalah untuk melihat kedudukan organisasi mengikut kecondongan bias dalam melaporkan berita PRU15. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian analisis kandungan kuantitatif yang menggunakan sampel berita PRU15 daripada 12 platform berita dalam talian di Malaysia. Pengkodan artikel berita dijalankan dengan menggunakan 15 unit analisis menerusi borang kodan. Hasil kajian dalam bentuk indikator peta bias media yang boleh digunakan untuk memetakan kedudukan organisasi portal berita dalam negara ini yang berdimensikan media digital. Paparan arah media berat sebelah dan nilai kredibiliti jelas menunjukkan bahawa liputan berita yang dipaparkan oleh Utusan Malaysia Online berbanding agensi berita yang lain. Kajian ini diharap dapat menambah maklumat mengenai berita Malaysia yang sering diperkatakan dan akan menambah kepada penyelidikan liputan media pilihanraya Malaysia yang lepas.

Kata kunci: *Pilihan raya umum (PRU15), ideologi, analisis kandungan, peta bias, media berat sebelah.*

15th General Election Malaysia (GE15): An Analysis of Biased Media by Online Malaysia's Online News Portal Coverage

ABSTRACT

Malaysia's 15th general election (GE15) was the first general election after the COVID19 pandemic which showed that there was a situation of political instability in the country at that time. At this point, the media plays an important role in channeling transparent and authentic information to the community. Digital empowerment has shown online media to be a platform that is the backbone for obtaining information. Therefore, the question arises whether Malaysia's leading independent news portal provides impartial GE15 news coverage either according to the ideology of the news organization or according to the perspective of journalists. Accordingly, the main objective in this research is to look at the position of organisations according to bias in reporting GE15 news. This research uses a quantitative content analysis study method that uses a sample of GE15 news from 12 online news platforms in Malaysia. The coding of news articles was carried out using 15 units of analysis through the coding sheet. The findings of the study

in the form of media bias map indicators can be used to map the position of news portal organisations in the country that have digital media dimensions. The display of biased media direction and credibility values clearly shows that the news coverage displayed by Utusan Malaysia Online is more compared to other news agencies. It is hoped that this study will provide information on Malaysia's most talked about news and will add to the research on media coverage of past Malaysian elections.

Keywords: *General election (GE15), ideology, content analysis, bias map, biased media.*

PENDAHULUAN

Pilihan Raya Umum Malaysia ke 15 (PRU-15) diadakan dalam keadaan harmoni tanpa wujud sebarang insiden yang besar bermula daripada pembubaran Parlimen pada 10 Oktober 2022 sehingga pembuangan undi pada 19 Oktober 2022. Sehubungan itu, pilihanraya kali ini memperlihatkan hanya 3 buah negeri iaitu, Perlis, Perak dan Pahang membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk beri laluan kepada Pilihanraya Umum ke 15. Negeri di bawah pemerintahan bukan kerajaan seperti Selangor, Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing dengan mengutarakan alasan mahu menghabiskan baki tempoh penggal pemerintahan yang lebih kurang setahun. Selain itu, kelembapan ekonomi ekoran daripada pasca pandemik COVID-19 dan ramalan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan terutama di negeri Kelantan dan Terengganu turut menjadi alasan untuk tidak terlibat dalam pilihanraya ini. Negeri Sabah, Melaka dan Johor juga turut tidak dibubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana telah menjalankan pilihanraya Negeri telah dijalankan pada tahun 2021.

Media berita samada dalam bentuk media arus perdana dan alternatif memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan informasi berkaitan dengan pilihanraya. Ini untuk memastikan semua peringkat masyarakat tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat. Walau bagaimanapun, media alternatif iaitu media sosial telah menjadi salah satu platform baharu untuk menyalurkan manifesto calon untuk berkempen dan mendekati pengundi sekaligus memberi perubahan dalam pemikiran masyarakat dalam memilih wakil rakyat semasa pilihanraya. Omar et al. (2015) menyatakan bahawa perubahan tingkah laku pengundi adalah disebabkan saluran platform digital yang berperanan sebagai agen utama dalam menyampaikan agenda politik baharu dan menimbulkan implikasi yang cukup signifikan terhadap corak pengundian di negara ini. Selain itu, penyampaian manifesto calon bertanding dalam pilihanraya yang menggunakan platform media digital telah digunakan semasa Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Melaka secara maksima dan telah memberi impak kepada pemikiran dan pengundian masyarakat pada masa tersebut (Siti Noraniza, 2021). Justeru, dapat dilihat medium baharu ini telah menjadi satu keutamaan dalam menyampaikan informasi kepada pengundi sepanjang tempoh pilihan raya.

Seiring dengan peredaran era digital, platform media alternatif semakin meluas penggunaannya. Ini dapat dilihat, kebangkitan media alternatif seawal tahun 1990 terdorong daripada kawalan terhadap media arus perdana (Ang & Thock, 2017). Golongan elit telah menggunakan media dalam talian dengan menubuhkan portal berita, blog, akaun media sosial dan pasukan siber mereka sendiri untuk menyalurkan idea dan ideologi (Abdesselam, 2017). Ia memberi ruang kebebasan melaporkan berita samada sah atau sebaliknya yang agak mustahil untuk dijelaskan secara ideologi sama ada oleh parti pro-kerajaan, berkecuali atau pembangkang.

Ada yang berpendapat bahawa perkembangan media alternatif ini mampu memberi kebebasan bersuara dan demokrasi yang sihat. Media alternatif ini dilihat mampu menjadi penimbangtara kepada masyarakat dalam meneliti media arus perdana yang cenderung kepada pemerintah. Kesediaan media alternatif memberikan informasi berkaitan dengan parti-parti politik di Malaysia mampu mengimbangi apa sahaja kecenderungan media cetak dan elektronik tradisional mungkin telah dipaparkan ke arah parti politik yang memerintah.

Objektiviti dalam pelaporan berita adalah sangat di titikberatkan dalam pelaporan berita yang dipaparkan di dalam media arus perdana dan media alternatif khususnya dalam berita politik. Penulisan berita secara objektif, seimbang dan bertanggungjawab (Faridah, 2003; Lichter, 2017) sepertimana yang didalam etikaewartawanan yang menjadi garis panduan kepada pengamal media. Namun perspektif penerbitan berita kini berbeza apabila beberapa platform dalam talian muncul sehingga menyebabkan kesahihan kandungan berita dalam talian di ragui berbanding dengan media arus perdana. Ini adalah kerana kandungan berita dalam media alternatif didapati tiada “*gatekeeper*”, atau pengampang berita dan mana-mana individu boleh menjadi pengampang kepada informasi yang disiarkan dalam internet (Normah et al., 2010). Ini dianggap sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pengedaran maklumat tidak tepat di internet (Nuurrianti, 2020). Justeru, terdapat kebimbangan mengenai kebolehpercayaan fakta di dalam media alternatif kerana ia boleh diterbitkan tanpa memerlukan penelitian dalam penyuntingan. Oleh itu, timbul persoalan; adakah portal berita di Malaysia bebas menyediakan liputan berita PRU15 yang tidak berpihak samada mengikut ideologi organisasi berita atau menurut perspektif wartawan?

Sehubungan itu, objektif utama dalam penyelidikan ini adalah untuk melihat kedudukan organisasi mengikut kecondongan bias dalam melaporkan berita PRU15. Kajian ini akan menambah maklumat mengenai berita Malaysia yang sering diperkatakan dan akan menambah kepada penyelidikan liputan media pilihanraya Malaysia yang lepas.

SOROTAN LITERATUR

Media Berita dalam Talian di Malaysia

Media baharu wujud berdasarkan ketidaktentuan pasaran edaran akhbar bercetak yang bertitik tolak dengan perkembangan media digital yang dipelopori golongan elit. Penurunan edaran akhbar bercetak ini menunjukkan prestasi edaran akhbar bercetak tidak menunjukkan kadar pertumbuhan yang memberangsangkan (Sannusi & Mustaffa, 2015). Menerusi laporan yang dikeluarkan oleh *Audit Bureau of Circulation* (ABC), edaran akhbar di Malaysia menunjukkan penguncupan yang ketara dalam semua penerbitan utama iaitu Melayu, Inggeris dan Cina daripada tahun 2013 hingga tahun 2016. Aliran penurunan naskah cetakan semakin menurun sehingga tahun 2019 dan melihat kepada perkara ini saban tahun, ia sejajar dengan pendapat daripada McLuhan dan Powers (1989) menerusi “perkampungan global” atau “*the global village*” yang menyatakan bahawa teknologi akan mengubah pada masa akan datang. Walaupun, perkembangan edaran pasaran akhbar masih relevan yang berperanan penggerak intelektual masyarakat tetapi ketidaktentuan pasaran akhbar bercetak ini telah merubah landskap penulisan kepada platform akhbar digital.

Bermula pada tahun 1990 iaitu penubuhan Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah mencetuskan reformasi baharu dalam politik di Malaysia. Ini telah memberikan satu paradigma baharu dalam pergerakan penyebaran maklumat yang lebih bebas daripada kawalan kerajaan. Walaupun terdapat arus perubahan dalam penyampaian maklumat, kawalan media masih ada yang memerlukan media untuk memperbaharui lesen dan ada pemantauan. Sehingga hari ini, operasi media Malaysia terus dikawal kerajaan menerusi kaedah yang sama iaitu media arus perdana perlu mendapatkan lesen dan kerajaan masih mengawal stesen penyiaran. Media baharu menjadi popular dan diterima ramai yang dianggap lebih telus dan seimbang dalam menyampaikan informasi.

Pola penggunaan media di kalangan masyarakat Malaysia yang cenderung menggunakan media baru iaitu yang berasaskan internet, lebih daripada akhbar dan televisyen (Nain, 2020). Penerbitan berita menerusi platform alternatif adalah merupakan satu alat yang berkesan yang dapat mempengaruhi orang, memberi keyakinan dan penjenamaan imej yang dipaparkan oleh media tersebut akan menjadi tanda aras dan ingatan penonton (Daud & Zulhuda, 2020). Nain (2021) menerusi Laporan Berita Digital *Reuters* menyatakan bahawa peningkatan rakyat Malaysia memperoleh berita secara dalam talian dan di media sosial berbanding dengan penggunaan televisyen atau media cetak. Masyarakat menggunakan platform media dalam talian kerana kepelbagaian jenis maklumat selain berita dan hiburan (Flanagin & Metzger, 2000) serta format yang lebih kreatif dan kritikal yang memperincikan hal ehwal semasa (Nain, 2020). Penyiaran berita melalui saluran alternatif telah memberikan kepelbagaian maklumat yang memberi peluang kepada masyarakat untuk memilih saluran media yang dipercayai dan dapat memberi kepuasan komunikasi kepada masyarakat dalam mendapatkan informasi (Meri & Ting, 2020).

Kemunculan platform berita dalam talian pertama, MalaysiaKini yang diasaskan oleh Steven pada November 1999 dengan agenda politik diwujudkan bagi membincangkan politik dan hal-hal semasa bermula dengan kewujudan platform akhbar bebas. Platform berita bebas ini telah merekodkan lebih daripada 100,000 pengunjung setiap hari yang banyak menampilkan pelbagai berita, diskusi dan surat pembaca (Netto 2002). Melalui platform MalaysiaKini, yang dipelopori oleh pertubuhan bukan kerajaan dan wartawan bebas telah membawa berita bukan partisan, analisis peristiwa dan memberi ruang kepada pembaca atau pengunjung untuk menyatakan pendapat mereka. MalaysiaKini turut menampilkan analisis dan liputan berita yang sering diabaikan oleh media arus perdana.

Portal berita *The Free Malaysia Today* (FMT) merupakan akhbar dalam talian bebas dengan kandungan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang memberi tumpuan kepada hal ehwal politik semasa Malaysia yang ditubuhkan dan diterbitkan di Petaling Jaya pada tahun 2009 (Lumsden, 2013). Ini adalah salah satu laman berita yang paling mudah diakses di Malaysia dengan lawatan bulanan sebanyak 11.83 juta. Nur Ellyanis dan Junaidi (2020) menyatakan bahawa *The Malaysia Insight* telah memperoleh berjuta-juta pengikut dan perkongsian berbanding akhbar arus perdana yang telah kehilangan pengaruh mereka. Walau bagaimanapun, tidak semua golongan masyarakat menggunakan media alternatif, memandangkan terdapat golongan generasi "*baby boomers*" yang tidak celik internet lebih tertumpu pada medium televisyen untuk mendapatkan fakta berita (Nain, 2020). Oleh itu, peralihan dalam medium penerbitan berita yang bergerak selari dengan teknologi akan dapat mempengaruhi pemilihan medium untuk mendapatkan fakta.

Perubahan drastik terhadap landskap media arus perdana bermula sejak tahun 2018 selepas perubahan kerajaan telah menyebabkan peningkatan platform berita alternatif. Menteri Multimedia dan Komunikasi pada ketika itu, YB Gobind Singh Deo telah berjanji untuk menjamin kebebasan media dalam melaporkan berita (Bernama Online, 2019). Dasar yang diliberalisasikan ke atas media ini terus mengubah kandungan akhbar ini menjadi akhbar yang lebih dipercayai dan bukannya hanya berbaur politik sahaja. Ekoran itu, banyak portal berita yang wujud seperti Siakap Keli, Rotikaya, Pen Merah, OhBulan!, Rojakdaily dan The Malaysian Insight yang dibiayai oleh NGO dan golongan elit telah melenyapkan pengaruh penggunaan media akhbar arus perdana (Ellyanis et al., 2020). Untuk memenuhi permintaan masyarakat Malaysia untuk mendapatkan berita yang lebih interaktif, media berita arus perdana turut menyediakan platform dalam talian. Justeru, ini memperlihatkan transisi daripada aliran media tradisional kepada alternatif kerana penyebaran teknologi digital, yang mungkin mengubah kecenderungan masyarakat untuk mendapatkan berita.

Kajian Lepas Analisa Berita Pilihanraya di Malaysia

Kajian ilmiah berkaitan berita adalah menjurus kepada isu politik sering kali dikaitkan dengan elemen berat sebelah atau bias media. Ini adalah selaras dengan hipotesis kajian terdahulu menjelaskan bahawa bias media ini adalah berkaitan dengan corak liputan berita. Secara akademik, kajian bias media di Malaysia ini telah bermula pada tahun 1990 yang mana Hamdan (1990) dalam kajiannya menjelaskan bahawa penulisan penulisan akhbar pedalaman di Sabah dan Sarawak menunjukkan kecondongan terhadap publisiti personaliti yang mempunyai pengaruh dan dimiliki oleh ahli perniagaan, parti politik dan individu berpengaruh.

Wong (2001) telah melihat dalam corak pelaporan berita di Malaysia. Dalam kajian yang dijalankan, analisis dijalankan ke atas akhbar berita Bahasa Inggeris utama yang bercetak iaitu New Straits Times, The Star dan The Sun selama 17 hari iaitu 12–29 November 1999 yang bertemakan berita pilihan raya. Tinjauan itu mengkodkan laporan berita, potongan pendapat, dan surat kepada editor sama ada positif atau negatif untuk kerajaan, positif atau negatif untuk pembangkang, atau bukan parti yang berkaitan. Tiada maklumat dikemukakan mengenai bilangan item yang dikodkan untuk yang pertama, manakala saiz sampel dua kategori lain sangat kecil. Di samping itu, tidak ada pengiraan min atau korelasi, atau tempoh kawalan.

Wong (2004) turut menjalankan kajian dengan menggunakan sampel yang sama dalam tempoh 14-21 Mac. Penambahan pada kajian yang dijalankan dengan adanya pemboleh ubah tambahan iaitu gambar dan item berita muka hadapan dan lima kategori telah dikodkan untuk fokus (kerajaan/pembangkang), positif atau negatif bagi kerajaan dan pembangkang, bukan pihak, atau seimbang. Hasil kajian didapati tidak mengukur tahap berat sebelah, sebaliknya hanya memperolehi peratusan mudah kecuali item berita dan gambar, surat dan pendapat kepingan sekali lagi saiz sampel yang sangat kecil. Dalam kajian ini turut didapati tiada kawalan tempoh untuk membandingkan sampel. Justeru, kedua-dua kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini tiada kawalan sampel untuk memantapkan hasil kajian keatas menganalisis berita akhbar bercetak.

Abbott (2011) dalam kajiannya "*Electoral Authoritarianism and the Print Media in Malaysia: Measuring Political Bias and Analyzing Its Cause*". Kajian ini melihat kepartian surat khabar di Malaysia dalam liputan mereka mengenai politik Malaysia. Pengkaji menggunakan pendekatan analisis kandungan kuantitatif dengan mengambil sampel 2 surat khabar Bahasa

Melayu mengikut kod dalam tempoh iaitu pada March 2008 (semasa Pilihan Raya Malaysia) dan tempoh sebelum pilihan raya Oktober 2006 (sebagai sampel kawalan). Pengkaji menggunakan pembolehubah bias pemerintah, bias pembangkang, nada wartawan, penilaian pelakon dalam artikel, dan penilaian individu dalam foto. Hasil dapatan mendapati kedua-dua surat khabar menunjukkan bias terhadap pemerintah dan menentang pembangkang dalam pelaporan berita. Pengkaji turut dapati akhbar Berita Harian meletakkan gambar Perdana Menteri dan Timbalan Menteri di muka pertama yang dan jika ada berita negatif berkaitan kerajaan, pengkaji dapati surat khabar ini tidak meletakkan sebarang gambar pemimpin. Kajian ini turut menyenaraikan dapatan bias pro kerajaan berdasarkan penguatkuasaan undang-undang utama mengenai kebebasan akhbar dan kebebasan. Penggubalan undang-undang ini memberi kuasa kepada pemerintah untuk menuntut mana-mana wartawan yang menerbitkan maklumat rasmi tanpa kebenaran. Selain itu, pemilikan institusi berita dan struktur sosio budaya turut memberi faktor kepada bias pro kerajaan.

Lumsden (2013) dalam kajian analisis terhadap portal berita dalam talian sepanjang pilihan raya Umum ke15 Malaysia telah mengutarakan persoalan sama ada portal berita di Malaysia ini berpihak sesiapa. Penyelidik ini menggunakan dua pendekatan kajian iaitu menerusi analisis kandungan dan temuduga bersemuka dengan editor dan ilmuan dalam industri media. Penyelidik ini telah menjalankan analisis ke atas tiga portal berita iaitu MalaysiaKini, *The Insider* dan *Free Malaysian Today*. Hasil daripada kajian ini didapati berita yang dilaporkan secara positif terhadap parti Barisan Nasional (parti kerajaan) adalah lebih daripada berita negatif dari keseluruhan liputan. Manakala liputan berita untuk pihak pembangkang adalah lebih positif sepertimana yang telah dijangka sebelum ini. Walau bagaimanapun portal berita ini turut di lihat ada mengkritik kedua-dua pihak parti ini boleh merumuskan bahawa terdapat percambahan penyertaan politik sihat negara Malaysia.

Abbott dan Givens (2015) telah menganalisis dan membandingkan tiga kod bias dalam media Malaysia dan mencari bukti empirikal mengenai kecenderungan pro kerajaan dalam liputan berita. Lima pembolehubah dikodkan secara eksplisit untuk darjah berat sebelah iaitu kepartian merangkumi bias kerajaan, berat sebelah pembangkang, nada wartawan, faktor penilaian, dan penilaian watak dalam foto. Pengkaji ini mencadangkan dua faktor sebagai faktor iaitu tapisan kerajaan dan pemilikan struktur yang menghubungkan organisasi berita dan pemerintah dengan membawa hujah kawalan media yang dibuat oleh kerajaan yang memenangi setiap pilihan raya dan pemilikan organisasi berita boleh membuktikan jauh lebih berkesan dalam penentuan bias. Dengan adanya berita dalam talian yang bebas telah membuktikan kawalan kerajaan terhadap organisasi berita semakin longgar dengan tumbanganya kerajaan Barisan Nasional ketika itu.

Azahar dan Mohd Azizuddin (2016) dalam kertas kerjanya '*Malaysia's 13th General Elections: Political Partisanship in the Mainstream Print Media*', menyatakan bahawa entiti media telah mempromosikan kepentingan parti politik yang menunjukkan media arus perdana sama ada dimiliki atau dikawal oleh rejim pemerintah dan melalui syarikat gabungan mereka. Ahli-ahli gabungan parti pemerintah, Barisan Nasional mampu mengawal pemilikan yang luas dan dengan itu menentukan banyak cetakan dan penyiaran kandungan media. Kajian ini telah dijalankan bermula dari hari penamaan calon pada 20hb April 2013 sehingga hari pengundian pada 5 Mei 2013. Artikel meliputi parti pemerintah Barisan Nasional (BN) dan pembangkang Pakatan Parti

Rakyat (PR). Setiap artikel dikodkan dan dilabelkan sebagai positif, negatif atau neutral liputan untuk setiap parti politik. Kaedah Analisis Kandungan telah digunakan di mana pengkaji memilih dan menganalisis setiap artikel pilihan raya dan meletakkannya dalam salah satu daripada lima kategori BN (laporan positif), BN (laporan negatif), PR (laporan positif), PR (laporan negatif) dan N (Neutral). Dalam analisisnya terhadap media cetak arus perdana, beliau menyimpulkan bahawa akhbar arus perdana berbahasa Melayu secara jelas menyokong daripada gabungan parti pemerintah Barisan Nasional.

Wong (2017) melihat sejauh mana cetakan media "arus perdana" Malaysia bersikap berat sebelah terhadap parti politik yang berkuasa dan sejauh mana portal berita "alternatif" Malaysia bersikap berat sebelah terhadap parti pembangkang. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan analisis kandungan ke atas tiga surat khabar arus perdana tradisional dan tiga media berita alternatif portal berita dalam talian iaitu Malaysiakini, The Malaysian Insight (TMI) dan Free Malaysian Today (FMT). Semua sampel dipilih kerana kandungan yang tersedia dalam Bahasa Inggeris. Penyelidik mengambil sampel dalam tempoh selepas pembubaran parlimen iaitu pada 4 April 2013 sehingga 5 Mei 2013 kerana ia dianggap oleh parti politik dan masyarakat sebagai permulaan pemilihan. Pengkaji menggunakan elemen-elemen yang berkaitan dengan pilihan raya yang dipilih untuk analisis adalah laporan berita, editorial, ulasan dan surat kepada penyunting (atau surat). Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan surat khabar New Strait Times (45.8%) jelas merupakan yang paling berpihak kepada Barisan Nasional daripada keenam-enamnya media yang dikaji. Walau bagaimanapun dari segi liputan negatif terhadap Barisan Nasional, FMT mencatatkan jumlah tertinggi iaitu pada kadar 17.4%, diikuti MalaysiaKini (15.8%) dan TMI (8.7%). Selain itu, TMI akan memberikan liputan seimbang yang paling banyak terhadap PR berbanding dengan portal berita lain sementara FMT mencatat tahap tertinggi peratusan liputan negatif terhadap PR. Dapatan ini menyokong ketiga-tiga hipotesis yang ditetapkan oleh pengkaji. Justeru, kajian ini memperlihatkan bagaimana kepartian di dalam institusi berita mempengaruhi wartawan dalam menyampaikan berita kepada masyarakat.

Muhammad Izawan dan Abdul Mua'ti (2020) membincangkan berkaitan kewartawanan dalam penulisan akhbar saluran berita arus perdana dan arus alternatif kaitan dengan pilihan raya tahun 2008 di Malaysia. Pengkaji ini menjalankan kajian dengan menggabungkan analisis kandungan artikel akhbar Utusan Malaysia yang dinaungi oleh Parti UMNO dan MalaysiaKini (berita bebas). Penyelidik ini menggunakan Teori Pembingkai dalam merungkai corak penulisan berita kedua-dua agensi berita. Menerusi analisis kandungan artikel daripada kedua-dua agensi akhbar ini mempunyai perbezaan dalam bingkai berita (konflik, kepentingan manusia, akibat ekonomi, moral, dan tanggungjawab dalam artikel berita. Kajian ini membuktikan bahawa media yang dimiliki oleh kerajaan sebelum ini sangat bergantung pada kerangka moral, sementara kerangka tanggung jawab adalah paling dominan dalam portal berita bebas. Kajian itu mendedahkan bahawa tanggungjawab itu bingkai ditulis dalam nada positif manakala moral dan bingkai konflik ditulis dalam nada negatif. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dan persamaan dari segi amalan pembingkai yang digunakan oleh media. Ia juga mendapati bahawa tona berita boleh menguatkan fungsi bingkai. Untuk lebih memahami hubungan antara bingkai dan amalan kewartawanan, penyelidik ini turut menjalankan temubual separa berstruktur dengan editor dari kedua-dua agensi media. Hasil daripada temubual tersebut jelas

menunjukkan bahawa agenda organisasi berfungsi sebagai garis panduan bagaimana isu politik. Walaupun diperakui oleh kedua-dua agensi ini terdapat arahan berbentuk politik tetapi media masih berusaha untuk menggalakkan pelaporan yang adil dalam skop tugas yang ditetapkan.

Ainis dan Mohd Azizuddin (2021) dalam kajian yang menerokai kecenderungan liputan akhbar media arus perdana terhadap parti politik di Malaysia semasa Pilihan Raya Umum ke-14 pada 2018 (PRU-14). Pengkaji memilih tiga akhbar berbahasa Melayu, dua bahasa Inggeris, dua bahasa Mandarin dan dua akhbar Tamil iaitu: 'Utusan Malaysia', 'Berita Harian', 'Sinar Harian', 'New Straits Times', 'The Star', 'Nanyang Siang Pau', 'Sin Chew Daily', 'Nanban' dan 'Osai'. Kesemua akhbar yang di pilih berdasarkan kepada latar belakang pemilikan dan pendekatan yang dibuat sepanjang tempoh pilihan raya. Data itu diklasifikasikan kepada beberapa kategori berdasarkan laporan mengenai Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Gagasan Sejahtera (GS) melalui kekerapan dan peratusan positif, bentuk liputan negatif, dan neutral. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pada tahun 2018, kebanyakan laporan media arus perdana adalah pro-kerajaan, yang dikaitkan dengan hubungan dengan parti-parti politik. Walau bagaimanapun, terdapat pertambahan liputan positif terhadap Pakatan Harapan selepas pasca pilihan raya.

Elemen Media Berat Sebelah (Bias Media)

Pelaporan berita yang dibuat harus objektif, seimbang dan bertanggungjawab (Faridah, 2003; Lichter, 2017) dalam melaporkan berita walaupun terdapat pertikaian di antara para sarjana mengenai objektif pelaporan berita itu (Budak et al., 2016). Bias media adalah merupakan satu perspektif terhadap wartawan dan penyunting dalam pemilihan fakta dan cerita yang memperlihatkan berat sebelah. Istilah "kecondongan media" membayangkan bias yang ini bertentangan dengan piawaian kewartawanan, dan bukannya perspektif seorang wartawan atau artikel individu. Pengkaji terdahulu ada memetik bahawa pendefiniasian bias media menjadi satu permasalahan dalam kajian (Entman, 2007; Gentzkow et al., 2015; Lichter, 2017). Bias mempunyai kecenderungan sistematik untuk memihak satu pihak atau kedudukan daripada yang lain (McQuail, 2010). Kenney dan Simpson (1993) mendefinisikan bias sebagai "pola pilih kasih berterusan" satu calon daripada yang lain, dan "bias berlaku apabila satu calon atau pihak menerima liputan berita yang lebih banyak dan liputan yang lebih baik dalam jangka masa yang panjang". Manakala Entman menjelaskan bahawa bias media adalah corak yang konsisten dalam pembingkai komunikasi yang dimediasi untuk mempromosikan pengaruh satu pihak dalam konflik penggunaan kuasa pemerintah (Entman, 2007). Manakala Gentzkow et al. (2015) turut membahaskan bias media adalah satu strategi secara relatif dalam melaporkan sumber berita dan ditentukan oleh organisasi berita. Cushion dan Thomas (2017) turut menjelaskan dalam kajian nya yang mentakrifkan bias dalam kesusasteraan sebagai bertentangan dengan objektiviti. Justeru, walaupun terdapat pertikaian pendapat dalam takrifan bias, dapat dijelaskan ia merupakan satu ungkapan negatif kepada norma kewartawanan dalam pelaporan berita.

Definisi lain yang dicadangkan oleh Lichter (2017) bias media ini adalah subjektif yang mengaitkan liputan bias kepada insentif ekonomi dan bukannya pemikiran wartawan serta membangkitkan semula perdebatan ini, sambil berpendapat bahawa bias negatif dan bias ideologi tidak semestinya eksklusif merujuk kepada sesuatu organisasi berita. Persamaan dapatan kajian Entman (2007) dan Gentzkow et al. (2015) mengenai bias media ini adalah kerana kedua-dua pengkaji menggunakan pendekatan ideologi dalam kajian mereka. Manakala Lichter

(2017) membawakan definisi berdasarkan kepada pendekatan ideologi dan ekonomi. Justeru, kajian beberapa tahun kebelakangan ini adalah sukar untuk mendefinisikan media bias kerana perbincangan bias dari sudut komunikasi dan sains politik kepada sudut ekonomi.

Pemilikan institusi media berita turut menyumbang kepada kecenderungan wartawan untuk dalam menulis berita. Sehubungan itu, tuntutan industri yang menyumbang kepada pendapatan diyakini boleh mempengaruhi profesionalisme wartawan walaupun ada sebilangan wartawan menjelaskan keutamaannya terhadap etika kewartawanan (Faridah, 2003). Sebagai contoh, pemilikan media arus perdana didominasi oleh pemerintah dan mendapat kawalan daripada ideologi pemerintah bermula dengan penubuhan Utusan Malaysia yang diambil alih oleh UMNO sekitar tahun 1961 (Gomez, 2014) telah menyebabkan penulisan Utusan Malaysia banyak melibatkan politik UMNO ketika itu untuk meningkatkan semangat kekitaan terhadap parti pimpinan negara. Walau bagaimanapun, kini, pemilikan media turut berlaku dalam portal berita dalam talian yang diasaskan dan dibiayai oleh individu dan organisasi yang berminat secara eksplisit untuk memberikan berita yang tidak memihak kepada rakyat Malaysia (Abbott & Givens, 2015). Justeru, dapat dilihat kecenderungan kepartian atau ideologi diantara akhbar penulisan dan portal mampu mempengaruhi penulisan sesuatu berita.

Selain daripada kepartian yang memberi indikator kepada bias, beberapa sorotan literatur yang akan membincangkan berkait dengan bias media struktur. Perbincangan bias struktur ini menggariskan beberapa ciri-ciri iaitu bias komersial, bias temporal, bias visual, bias berita buruk, bias naratif, bias status quo, bias keadilan, bias kesesuaian dan bias kelas (*Bias Glory*) (Eadie, 2009). Oleh itu, bias struktur ini membincangkan bagaimana pelaporan berita itu mengikut kepada norma kewartawanan yang telah digariskan kepada wartawan. Bias struktur dari sudut visual mengetengahkan kepentingan gambar dalam setiap artikel berita yang ditulis. Penyelidik mentafsirkan gambar watak melalui penulisan di dalam akhbar bercetak mempunyai perkaitan dengan kecondongan berita yang disampaikan samada positif, negatif dan neutral (Waldman & Devitt, 1998; Barrett & Barrington, 2005; Valdeavilla & Pulido, 2019). Seterusnya, kajian sistematik visual bias dalam berita televisyen dengan analisis visual liputan, berat visual, dan pelbagai metrik pembungkusan bermanfaat dan mengkodkan ekspresi wajah, penampilan, dan tingkah laku *nonverbal* calon, dan ciri struktur televisyen yang disunting menjadi berita oleh wartawan (Coleman & Banning, 2006; Grabe & Bucy, 2009; Hehman et al., 2012). Penggunaan gambar yang digambarkan oleh media sasaran berkongsi orientasi politik. Gambar dapat meningkatkan daya ingat artikel berita dan ini menunjukkan kualiti dianggap penting secara universal untuk kepimpinan, persembahan gambar yang berbeza-beza sepanjang populariti dan kecekapan dapat mempengaruhi kesan yang dibentuk oleh pembaca mengenai tokoh politik tersebut.

Selain itu, pendekatan faktor permintaan maklumat daripada masyarakat mendorong organisasi media memaksimumkan keuntungan dengan menyediakan penawaran informasi dalam pelbagai cara dan saluran. Mullainathan dan Shleifer (2005) berpendapat peningkatan dalam memenuhi permintaan pembaca yang lebih berminat dengan isu tertentu menyebabkan organisasi berita lebih mengutamakan pelaporan berita yang akan menjana keuntungan berbanding berita yang objektif. Oleh itu, terdapatnya platform media alternatif untuk memenuhi kehendak masyarakat yang memerlukan maklumat lain yang lebih jelas dan tepat berbanding dengan media arus perdana (Bahiyah, 2020). Sebagai contoh, dalam tempoh pilihan

raya, penyiaran berita berkaitan kempen, penyaluran bantuan dan informasi pilihan raya kerap disiarkan oleh media arus perdana, tetapi melalui platform berita alternatif turut menyampaikan kandungan yang sama tetapi mengambil pendekatan menyediakan ruang komen yang menjadi satu cara masyarakat dan pembaca berminat untuk mengetahui lebih lanjut dan mempercayai kandungan tersebut. Walaubagaimanapun, Galvis et al. (2016) dan Qin et al. (2018) menjelaskan dalam kajiannya bahawa persaingan agensi berita dalam pasaran akhbar melihatkan kepada permintaan dan penawaran tanpa memberi fokus kepada keuntungan dan ideologi. Justeru, persaingan akhbar dalam melalui permintaan dan penawaran ini akan mewujudkan bias pelaporan berita mengikut organisasi.

Indikator Bias Media

Dalam pembentukan indikator bias, pengukuran bias adalah sangat penting dalam memastikan arah kecondongan bias pelaporan berita. Oleh itu, kajian berkaitan pengukuran bias media di Amerika Syarikat banyak di dipelopori oleh (Gentzkow & Shapiro, 2006; Groseclose & Milyo, 2005; Larcinese et al., 2011; Puglisi, 2011; Puglisi & Snyder, 2015; Budak et al., 2016; Hamborg et al., 2019). Namun, kajian empirikal yang di buat oleh Groseclose dan Milyo (2005) dan Gentzkow dan Shapiro (2006) secara kualitatif analisis kandungan berdasarkan kepada persaingan pasaran pemilikan saluran berita yang menunjukkan ideologi saluran berita dalam membentuk berita yang disampaikan. Manakala Budak et al. (2016) membuat pengukuran dari segi bias ideologi yang membina model kod kecondongan ideologi "*ideology slant*" berdasarkan ideologi yang di pengaruhi oleh parti politik atau organisasi berita tersebut. Pengukuran yang dijalankan ini dapati bahawa organisasi berita menyatakan kecenderungan ideologi mereka dengan secara tidak langsung mewakili parti politik pilihan, namun turut mengkritik secara tidak professional kepada satu pihak yang lain. Seterusnya, Hamborg et al. (2019) telah membawa dimensi baru dalam kajian sains sosial dalam menerangkan kandungan dan kesan berita serta memetakan data yang mana sebelum ini dibuat secara manual oleh pengkaji terdahulu. Walaupun masih terdapat ketirisan dalam kajian yang mana pengkaji masih belum memanfaatkan perkomputeran sepenuhnya semasa pengambilan sampel tetapi masih dianggap satu cara yang efisien dalam kajian pengukuran bias.

Berkaitan dengan kajian corak kecondongan bias, pengkaji Amerika Syarikat Otero telah membuat satu peta bias organisasi berita di Amerika Syarikat. Otero (2018) telah menterjemahkan analisis kandungan berita yang menilai ciri-ciri teks dan visual media dalam bentuk grafik secara interaktif yang menggunakan paksi Y yang mewakili ukuran sumber maklumat berkualiti dan paksi X yang mewakili ukuran maklumat bias sumber dalam bentuk peta bias. Penghasilan model ini yang menggunakan sepenuhnya pengkalan data ke atas portal berita dan media sosial. Walaupun penghasilan peta bias ini masih baru dan terdapat banyak kritikan daripada pengkaji media dan ahli politik, tetapi ia mampu menjadi satu gambaran yang jelas berkaitan dengan kedudukan sesuatu organisasi berita. Oleh itu, terdapat revolusi dalam pengujian pengukuran bias yang dijalankan oleh pengkaji untuk mengikut kepada teknologi. Hasil sorotan literatur menunjukkan bahawa masih terdapat isu yang masih belum diterokai dalam membincangkan perihal bias media dalam pelaporan berita Pilihan Raya Umum ke15 yang diadakan pada tahun 2022. Justeru, kecondongan bias ini penting dalam menentukan bias dalam pelaporan yang dilaporkan oleh setiap agensi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu salah satu daripada metodologi dalam penyelidikan kualitatif. Analisis kandungan ditakrifkan sebagai pendekatan analisis yang diterjemahkan dengan menyatakan kuantiti dalam bentuk kategori yang telah ditetapkan dalam satu kaedah sistematik (Bryman, 2012). Kaedah ini bukan sahaja menganalisis media cetak dan media penyiaran, tetapi turut boleh menganalisis dalam sumber daripada media baharu seperti internet. Analisis kandungan media digital masih relevan untuk mengkaji kandungan manifestasi dengan cara yang telus dan boleh dipercayai (Krippendorff, 2018). Justeru, analisis kandungan merupakan satu metodologi yang masih relevan dan menginterpretasi kandungan kepada corak kajian.

Menurut penyelidikan analisis kandungan kuantitatif adalah merupakan deskriptif yang mana lebih terarah kepada objektif kajian sahaja dan mengukur ciri-ciri penting untuk membuat kesimpulan yang lebih luas tentang proses. Analisis kandungan kuantitatif telah digunakan untuk mengukur pelbagai ciri mesej yang luar biasa (Neuendorf & Skalski, 2009). Dalam kajian bias, analisis kandungan secara kuantitatif ini menentukan banyak aspek untuk menggambarkan kecenderungan berita berdasarkan struktur dan ideologi (Hehman et al., 2012; Gerth & Siegert, 2012; Garz, 2014; Puglisi & Snyder, 2015a; Budak et al., 2016; Goncalves, 2017; Hamborg et al., 2019; Klepka, 2019; Fong et al., 2020; Wong, 2017) dan kecenderungan corak ekonomi (Agirdas, 2015; Qin et al., 2018). Oleh itu, dalam kajian ini, pemilihan analisis kandungan kuantitatif telah dipilih kerana objektif kajian ini untuk melihat data deskriptif bagi melihat ideologi, struktur dan ekonomi portal berita.

Penelitian mengenai kandungan berita dalam organisasi ini hanya bertumpu kepada portal berita yang mempunyai kriteria seperti mencatat jumlah pengunjung (*unique visitor*) tertinggi, berpangkalan dan menyiarkan berita di Malaysia dan berdaftar dengan pihak berkuasa serta daripada Laporan Berita Digital Reuters 2020. Pemilihan sampel ini adalah secara bertujuan (*purposive*) iaitu berkaitan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Pemilihan sampel ini adalah diambil dalam tempoh selama 15 hari dari 5 November 2022 iaitu hari penamaan calon sehingga 19 November 2022 iaitu hari pembuangan undi. Justifikasi pemilihan berita pilihan raya ini untuk melihat kekerapan berita yang disediakan oleh medium berita dan kecondongan berita samada terdapat berat sebelah dalam laporan dalam melaporkan perkembangan pilihan raya. Tempoh masa untuk kajian ini adalah penting untuk memastikan bahawa data mencerminkan konteks yang sesuai dalam analisis (Salkind, 2010).

Terdapat dua jenis portal berita dipilih untuk penyelidikan ini iaitu portal berita dalam talian yang Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris iaitu arus perdana iaitu The Star Online, Berita Harian Online, Bernama Online, Berita Radio Televisyen Malaysia, Harian Metro Online, Sinar Harian Online, Utusan Online dan The Malay Mail; dan berita alternatif portal yang terdiri daripada penerbitan portal berita bebas iaitu Astro Awani, The Malaysian Insider, Free Malaysia Today dan Malaysiakini. Justifikasi pemilihan medium berita ini adalah berdasarkan kepada Laporan Berita Digital Reuters 2020 yang menyenaraikan medium ini antara berita dipercayai menjadi pilihan masyarakat Malaysia berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan. Berita yang diambil untuk dikaji pada setiap hari dipilih secara rawak dari organisasi berita tanpa mengambil kira latar belakang organisasi dan penulis. Ini membolehkan pengkaji membuat satu analisis

kandungan yang adil dan tidak berpihak atau prejudis terhadap satu-satu pihak atau satu-satu isu dan seterusnya menjejaskan kesimpulan kajian.

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini adalah menggunakan borang kodan akan disediakan bagi menganalisis sampel berita yang dihasilkan oleh organisasi media dalam talian berikut. Buku kodan yang digunakan terdiri daripada beberapa elemen berdasarkan kepada Hamborg et al. (2019) dan Klepka (2019). Sehubungan itu, pengkodan adalah proses mengenal pasti kategori atau tema yang wujud dalam manuskrip atau teks (Othman, 2013). Sejumlah (15) unit analisis telah dibentuk dalam kajian analisis kandungan ini. Penentuan arah bias ini adalah berdasarkan kepada unit analisis arah berita dan kandungan berita. Liputan arah kerajaan adalah keseluruhan berkaitan dengan kerajaan manakala arah pembangkang adalah berkaitan dengan pembangkang. Liputan neutral berkaitan dengan artikel secara linguistik bukan bersandar kepada menyokong atau mengkritik mana-mana pihak samada kerajaan, parti pembangkang dan parti kerajaan. Manakala penentuan nilai kredibiliti berita berdasarkan kepada (12) unit analisis jenis penulisan berita, isu berita, bilangan sumber, kategori sumber, kandungan berita, pelabelan dalam tajuk berita, gaya bahasa dalam tajuk berita, gambar, kategori gambar, jumlah perkataan, jumlah perenggan dan manipulasi fakta.

Ujian Kebolehpercayaan Intercoder

Untuk menjalankan analisis terhadap artikel berita yang telah disaring, pengkaji telah memilih pengkodan yang berkemahiran dalam bahasa dan mempunyai literasi yang tinggi sesuatu berita bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Untuk memastikan pengkodan mempunyai keupayaan dan daya pemikiran yang sama dalam menganalisis artikel akhbar ini, satu ujian kebolehpercayaan dijalankan iaitu analisis Indeks Cohen Kappa. Analisis Cohen Kappa yang diperkenalkan oleh Cohen (1960) bagi menentukan darjah persetujuan di kalangan penilai dalam kajian sesuatu kualitatif dan nilai kebolehpercayaan ini bergantung kepada nilai persetujuan yang baik atau sebaliknya daripada pakar penilai. Pra-ujian pengkodan data untuk keperluan kajian ini telah dilakukan sebelum analisis kandungan ke atas 100 artikel dalam portal berita. Enam orang pelajar sarjana dari Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM telah dipilih untuk membantu dalam ujian kebolehpercayaan antara juru kod. Sehubungan itu, keputusan kebolehpercayaan melebihi 0.75 dianggap boleh dipercayai dan boleh diterima dalam ujian kebolehpercayaan (Cohen, 1960). Justeru, Pra ujian ini memperlihatkan instrumen yang digunakan boleh digunapakai berdasarkan ujian kebolehpercayaan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisa Deskriptif

Secara umumnya, sebanyak 5456 artikel berita yang memberi tumpuan kepada isu pilihanraya. Daripada data deskriptif, didapati dalam pelbagai bentuk berita, rencana, komentar, surat pengarang dan ucapan yang telah dipaparkan oleh 12 organisasi berita yang dikaji. Pelaporan berita yang disiarkan oleh *The Star Online* mencatatkan berita pilihan raya tertinggi iaitu 965 artikel berita (17.8 peratus), diikuti *Free Malaysia Today Online* (13.2 peratus) manakala *The Malay Mail* hanya mencatatkan 66 artikel berita (1.2 peratus) sepanjang pilihan raya (Jadual 1). Hampir keseluruhan organisasi berita mempamerkan artikel dalam bentuk berita (91.7 peratus) berbanding bentuk penulisan komentar sebanyak (0.1 peratus) (Jadual 1). *The Star Online* banyak

menyiarkan artikel dalam bentuk berita berbanding dengan rencana dan ucapan. Ini menunjukkan bahawa organisasi berita yang berlatar belakang pemilikan kerajaan ini cuba untuk menyalurkan berita yang bermutu bagi meraih pembaca untuk melihat berita yang dipaparkan. Manakala MalaysiaKini dan Harian Metro turut menggunakan komentar dalam memberikan informasi bagi menarik masyarakat dalam meneliti isu daripada pelbagai sudut.

Jadual 1: Jumlah kumulatif berita dan jenis penulisan penulisan berita

	Berita	Rencana	Komentar	Surat Pengarang	Ucapan
MalaysiaKini	271	14	2	5	16
Astro Awani Online	487	27	0	1	12
The Star	944	4	0	0	17
Berita Harian Online	365	0	0	0	0
Harian Metro Online	553	7	2	0	2
Sinar Harian Online	293	113	0	4	18
Free Malaysia Today	706	8	0	2	0
Utusan Malaysia Online	293	2	0	0	1
Radio Televisyen Malaysia	282	8	0	0	4
Bernamea Online	544	0	0	1	0
The Malay Mail	61	4	0	0	1
The Malaysian Insight	176	4	0	172	0
Jumlah	4975	191	4	185	71

Analisa Nilai Berita

a) Isu Berita Pilihanraya

Dalam kajian ini, terdapat sebanyak 11 isu utama yang telah dikenal pasti daripada sampel data yang terkumpul. Isu pentadbiran Malaysia menjadi isu yang banyak di paparkan oleh organisasi berita iaitu 51.8 peratus, diikuti isu sosial sebanyak 36.4 peratus manakala isu luar negara kurang di paparkan oleh organisasi berita (Jadual 2). *Free Malaysia Today* memperlihatkan fokus penerbitan berita adalah isu pentadbiran Malaysia, yakni menjelaskan bahawa media alternatif sangat mengutamakan topik berkaitan dengan politik sebagai agenda utama mereka sepanjang tempoh PRU15. Ini adalah disebabkan oleh asas penubuhan media alternatif di Malaysia iaitu MalaysiaKini bermula daripada berlakunya polemik politik yang berlaku pada 1990-an (Beng & Ahmad, 2015). Maka, corak liputan dalam media mereka cenderung untuk menyentuh tentang isu politik atau apa-apa isu yang berkaitan dengan pilihan raya.

Jadual 2: Isu berita dalam pelaporan berita

Medium Berita	Isu										
	Isu Agama	Isu Agama	Isu Raja Berperlembagaan	Isu Hak Asasi Manusia	Isu Pentadbiran Malaysia	Isu Ekonomi	Isu Sosial	Isu Luar Negara	Isu Kesihatan	Isu Keselamatan	Isu Pendidikan
MalaysiaKini	2	1	0	2	265	7	20	0	9	0	2
Astro Awani Online	0	0	0	0	176	5	300	1	42	2	1
The Star	0	0	0	0	0	6	959	0	0	0	0
Berita Harian Online	0	0	0	0	359	0	4	0	1	1	0

Harian Metro Online	2	2	0	17	160	5	292	0	80	5	1
Sinar Harian Online	4	4	1	71	296	6	16	0	24	4	2
Free Malaysia Today	14	5	0	20	565	19	20	0	57	9	7
Utusan Malaysia Online	0	0	0	13	80	10	175	0	13	2	3
Radio Televisyen Malaysia	0	0	0	0	70	6	169	0	45	4	0
Bernama Online	0	1	1	1	479	7	7	0	40	6	3
The Malay Mail	0	0	3	2	58	1	0	0	2	0	0
The Malaysian Insight	1	0	1	1	303	4	14	0	23	3	2

b) Bilangan Sumber dan Kategori Sumber

Bilangan sumber dan kategori sumber adalah menyumbang kepada pengukuran nilai berita dalam sesuatu pelaporan. Dalam analisis kandungan ini menunjukkan bahawa bilangan sumber yang kurang daripada 50 sumber. Kepelbagaian sumber dalam satu-satu berita ini menunjukkan bahawa nilai berita semakin tinggi dan sekaligus mengurangkan berita berat sebelah. Manakala, kategori sumber daripada ahli pemimpin kerajaan yang terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen dan semua pemimpin-pemimpin parti komponen yang bernaung di bawah parti pemerintah menjadi sumber terbanyak di gunakan dalam pelaporan berita. Ini memperlihatkan bahawa sumber yang digunakan dalam penulisan adalah boleh dipercayai bersesuaian dengan kedudukan, peranan dalam isu yang sedang berlaku.

c) Pelabelan Tajuk dan Gaya Bahasa Berita

Analisis keatas pelabelan tajuk menunjukkan samada tajuk berita itu positif atau negatif. Dapatan mendapati 87.5 peratus tajuk berita adalah positif. Pelabelan ini penting untuk menjadi gambaran awal terhadap penulisan fakta berita samada positif atau sebaliknya (Hamborg, 2019). Gaya bahasa dalam berita turut mempengaruhi nilai berita. Penggunaan perkataan yang merujuk kepada metafora, retorik, analogi dan bahasa mudah. Dalam kajian ini, penulisan dalam bahasa mudah lebih banyak digunakan oleh wartawan. Oleh itu, gaya bahasa yang digunakan dalam penulisan perlulah bersifat jelas, ringkas dan mudah untuk difahami oleh golongan pembaca sasaran (Roza & Hassan, 2020). Walaupun, gaya bahasa retorik diperlukan bagi menjelaskan sokongan kepada satu-satu parti tetapi dalam kajian ini didapati gaya bahasa ini bukan menjadi keutamaan kepada wartawan dalam penulisan.

d) Penggunaan Gambar dan Kategori Gambar

Penggunaan gambar yang menyokong berita banyak digunakan dalam kajian ini. Ini adalah menunjukkan bahawa gambar dapat menjelaskan fakta yang diberikan (Hamborg, 2019). Kategori gambar turut memainkan penting dalam deskripsi analisis berita. Gambar yang diperoleh daripada berita dalam pilihanraya ini adalah terdiri daripada gambar sebenar, gambar hiasan, karikatur. Turut terdapat berita yang tidak memaparkan gambar. Penggunaan gambar yang digambarkan oleh media sasaran berkongsi orientasi politik dan dapat meningkatkan daya ingatan seseorang terhadap berita tersebut (Hehman et al., 2012).

e) Jumlah Perkataan dan Perenggan

Dalam meneliti artikel berita pilihan raya mendapati wartawan menulis berita dalam lingkungan kurang daripada 300 patah perkataan dan kurang daripada 50 perenggan. Ini menunjukkan

bahawa artikel berita dalam platform dalam talian ini adalah ringkas dan padat. Walaupun Boukes et al. (2022) menjelaskan bahawa jumlah perkataan dan perenggan yang banyak dan panjang akan dapat mempengaruhi nilai berita tetapi dalam platform dalam talian lebih mementingkan ketepatan fakta secara ringkas, padat dan kreatif. Format yang lebih kreatif dan kritikal, memperincikan hal ehwal semasa sangat popular di kalangan golongan elit melalui dalam talian (Nain, 2020).

f) Manipulasi Fakta

Dalam analisis kandungan keatas berita dalam pilihanraya ini, dapat dilihat bahawa hanya 0.4 peratus sahaja merupakan artikel mengandungi fakta yang mengelirukan. Manipulasi fakta ini dilihat secara keseluruhan samada manipulasi dalam suntingan pada perenggan atau pada gambar (Hamborg, 2019).

Jadual 3: Unit analisis berita


Unit Analisis	Frekuensi (f)	Peratusan (%)
Jenis Penulisan Berita:		
Berita	4975	91.7
Rencana	191	3.5
Komentari	4	0.1
Surat Pengarang	185	3.4
Ucapan	71	1.3
Isu Berita:		
Isu Agama	23	0.4
Isu Perkauman	13	0.2
Isu Raja Berperlembagaan	6	0.1
Isu Hak Asasi Manusia	127	2.3
Isu Pentadbiran Malaysia	2811	51.8
Isu Ekonomi	76	1.4
Isu Sosial	1976	36.4
Isu Luar Negara	1	0.0
Isu Keselamatan	336	6.2
Isu Kesihatan	36	0.7
Isu Pendidikan	21	0.4
Arah Berita:		
Arah Kerajaan	2359	43.5
Arah Bukan Kerajaan	996	18.4
Neutral	2071	38.2
Bilangan Sumber:		
0 hingga 2	5129	94.5
3 hingga 4	262	4.8
Lebih 5	35	0.7
Pelabelan Tajuk Berita:		
Positif	4750	87.5
Negatif	676	12.5

Kategori Sumber:		
Kerajaan	814	15.0
Ahli Politik Kerajaan	1715	31.6
Ahli Politik Pembangkang	919	16.9
NGO	110	2.0
Pihak Berkuasa Tempatan	433	8.0
Media	793	14.6
Pakar/Sarjana	202	3.7
Orang Awam	424	7.8
GLC	16	0.3
Kandungan Berita:		
Kerajaan	3268	60.2
Pembangkang	1005	18.5
NGO	142	2.6
Orang Perseorangan	1011	18.6
Gaya Bahasa:		
Metafora	140	2.6
Retorik	251	4.6
Analogi	34	0.6
Bahasa Mudah	5001	92.2
Jumlah Perkataan:		
0-300	3570	65.8
301-600	1297	23.9
601-900	165	3.0
>900	394	7.3
Jumlah Perenggan:		
0-50	5418	99.9
51-100	6	0.1
101-150	1	0
>151	1	0
Gambar:		
Sokong Berita	4698	86.6
Tidak Sokong Berita	405	7.5
Tiada Gambar	323	6.0
Kategori Gambar:		
Gambar Sebenar	3641	67.1
Gambar Hiasan	1451	26.7
Karikatur	321	5.9
Tiada Gambar	13	0.2
Manipulasi Fakta:		
Ya	23	0.4
Tidak	5403	99.6

Kecondongan (Slant) bagi Setiap Portal Berita

Konsep ini diperkenalkan untuk melihat kecondongan arah berita dan kandungan berita dalam artikel yang dihasilkan oleh wartawan organisasi berita. Arah berita dikategorikan kerajaan, pembangkang dan neutral. Kecondongan berita berdasarkan kriteria menunjukkan pro kerajaan, pembangkang dan neutral. Kandungan berita merupakan fakta yang terkandung di dalam berita berdasarkan perihal kerajaan, pembangkang, NGO dan orang perseorangan. Dalam dapatan kajian ini dapati kandungan berkisar kepada pihak kerajaan telah mendominasi dalam penulisan berita. Ini menunjukkan dalam tempoh kajian ini perihal kerajaan samada dari sudut positif atau negatif cuba ditonjolkan.

Dapatan analisis kandungan keseluruhan menunjukkan bahawa portal dalam talian adalah secara amnya liputan berita terarah kerajaan sebanyak 43.5 peratus, manakala arah bukan kerajaan 18.4 peratus dan Neutral 38.2 peratus (Rajah 1). Ini menunjukkan bahawa paparan berita banyak dilaporkan berkaitan informasi kerajaan. Walaubagaimanapun, ia diseimbangkan dengan berita yang tidak berpihak kepada mana-mana parti. Ini adalah kerana ke semua portal berita yang dianalisis berlainan latar belakang pemilikan samada terdiri dari parti politik kerajaan, pembangkang dan orang perseorangan.



Rajah 1: Arah berita portal sepanjang Pilihan Raya Umum ke-15


Peta Bias Media

Berkaitan dengan kajian corak kecondongan bias, kajian ini telah menterjemahkan analisis kandungan berita yang menilai unit analisis deskriptif. Skor bias terdiri daripada unit analisis arah berita dan pelabelan tajuk berita. Manakala, skor kredibiliti terdiri daripada 12 unit analisis iaitu isu berita, jenis berita, bilangan sumber, kategori sumber, jumlah perkataan, jumlah perenggan, gambar, kategori gambar, pelabelan tajuk, gaya bahasa dan manipulasi fakta. Sehubungan itu, skor kesemua unit analisis diletakkan dalam lingkungan 0 hingga 4 berdasarkan kepada kumulatif setiap unit analisis tersebut. Rajah 6 menunjukkan skor yang telah diperolehi daripada setiap unit analisis mengikut kepada medium berita.

Jadual 4: Skor penentuan kredibiliti dan bias mengikut medium berita.

Medium Berita	Skor Kredibiliti	Skor Bias
MalaysiaKini	76	16
Astro Awani Online	78	16
The Star	78	16
Berita Harian Online	70	17
Harian Metro Online	70	17
Sinar Harian Online	82	19
Free Malaysia Today	86	19
Utusan Malaysia Online	85	20
Radio Televisyen Malaysia	79	14
Bernamea Online	78	19
The Malay Mail	79	16
The Malaysian Insight	73	14

Penterjemahan skor ini dibuat dalam bentuk grafik yang jelas dan padat. Grafik peta bias media ini menggunakan paksi X dan Y. Paksi X mewakili ukuran skor bias manakala paksi Y mewakili skor kredibiliti (nilai berita). Hasil dapatan daripada peta bias ini menunjukkan bahawa Utusan Malaysia Online dilihat bias dan kurang elemen kredibiliti dalam melaporkan berita berbanding The Malaysian Insight dan Radio Televisyen Malaysia. Disini turut dalam dilihat kebanyakan organisasi berita berada dalam lingkungan bertindak sebagai media yang seimbang berdasarkan kepada struktur pelaporan yang disediakan.



Rajah 2: Peta arah berita portal sepanjang Pilihan Raya Umum ke 15

Walaupun penghasilan peta bias ini masih baharu dan masih memerlukan penambahbaikan tetapi ia mampu menjadi satu gambaran yang jelas berkaitan dengan kedudukan sesuatu organisasi berita. Limitasi dalam penyelidikan ini adalah pengkaji hanya menggunakan satu kaedah analisis kandungan yang menterjemahkan struktur artikel sahaja. Untuk mendapatkan dapatan yang lebih jelas, adalah dicadangkan supaya satu temubual

berfokus dijalankan keatas pengamal media dan akademik bagi meneliti lebih mendalam dari sudut perspektif individu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa kecenderungan media berat sebelah portal berita dalam talian terhadap parti-parti politik yang mewakili kerajaan dan pembangkang yang diterjemahkan dalam satu peta. Pengunjuran peta ini mempamerkan pelbagai organisasi berlainan latar belakang kepartian dan ideologi. Paparan arah media berat sebelah jelas menunjukkan bahawa jurang berat sebelah diantara agensi berita ini tidak terlalu ketara adalah disebabkan negara ini masih mengamalkan kawalan dalam penerbitan mengikut kepada undang-undang. Walaubagaimanapun, ini boleh menjadi indikator terhadap kedudukan agensi berita dalam memberikan informasi kepada masyarakat. Justeru, dengan adanya analisis berita dan peta bias dapat memberikan satu cadang baru dalam bidang journalism dengan meneliti dari sudut bias media.

PENGHARGAAN

Artikel ini diterbitkan berdasarkan hasil penyelidikan dibawah geran FRGS (FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/32) bertajuk Pembinaan Indikator Peta Bias Media untuk Akhbar Dalam Talian di Malaysia.

BIODATA

Suhana Saad adalah pelajar pascasiswazah di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: p108827@siswa.ukm.edu.my

Shahrul Nazmi Sannusi adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: nazmy@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Abbott, J., & Givens, J. W. (2015). Strategic censorship in a hybrid authoritarian regime? Differential bias in Malaysia's online and print media. *Journal of East Asian Studies*, 15(3), 455–478.
- Abbott, J. P. (2011). Electoral authoritarianism and the print media in Malaysia: Measuring political bias and analyzing its cause. *Asian Affairs: An American Review*, 38(1), 1-38.
- Abdesselam, Z. (2017). Online journalism changing public mindset and its impact on the political scenario (in Malaysia). *Journal of Education and Social Sciences*, 8(1), 185–192.
- Agirdas, C. (2015). What drives media bias? New evidence from recent newspaper closures. *Journal of Media Economics*, 28(3), 123-141.
- Ainis Azreen Rosli, & Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2021). Media framing on 2018 General Election: A comparative content analysis on newspapers coverage toward political parties in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(4), 220–236.
- Ang Wei Yin, & Thock Ker Pong. (2017). Kebebasan media - Fungsi dan impak media alternatif terhadap masyarakat Cina di Malaysia. *Journal of Chinese Literature and Culture*, 5(1), 50–66.
- Azahar Kasim, & Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2016). The 2013 General Elections in Malaysia: An analysis of online news portals. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, 37(2), 119–125.
- Bahiyah Omar Sadollah Ahrari. (2020). Mainstream and non mainstream media in Malaysia: Does lack of credibility lead to displacement? *Newspaper Research Journal*, 41(2), 127–145.
- Barrett, A. W., & Barrington, L. W. (2005). Bias in newspaper photograph selection. *Political Research Quarterly*, 58(4), 609-618.
- Beng, L. Y., & Ahmad, M. (2015). Liberalisation of the Malaysian media and politics: New media, strategies and contestations. *Media Watch*, 6(3), 296–308.
- Bernama*. (2019, September 12). Important to have free media to report the truth - Gobind. <https://www.bernama.com/en/news.php?id=1766669>
- Boukes, M., Jones, N. P., & Vliegenthart, R. (2022). Newsworthiness and story prominence: How the presence of news factors relates to upfront position and length of news stories. *Journalism*, 23(1), 98–116.
- Bryman, A. (2012). *Social research methods* (4th ed.). OUP Oxford.
- Budak, C., Goel, S., & Rao, J. M. (2016). Fair and balanced? Quantifying media bias through crowdsourced content analysis. *Public Opinion Quarterly*, 80(S1), 250-271.
- Cohen, J. (1960). A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and Psychological Measurement*, 20(1), 37-46.
- Coleman, R., & Banning, S. (2006). Network TV news' affective framing of the presidential candidates: Evidence for a second-level agenda-setting effect through visual framing. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 83(2), 313-328.
- Cushion, S., & Thomas, R. (2017). From quantitative precision to qualitative judgements: Professional perspectives about the impartiality of television news during the 2015 UK General Election. *Journalism*, 20(3), 392–409.
- Daud, M., & Zulhuda, S. (2020). Regulating the spread of false content online in Malaysia: Issues, challenges and the way forward. *International Journal of Business and Society*, 21(S1), 32–48.

- Eadie, W. F. (Ed.). (2009). *21st century communication: A reference handbook*. Sage Publications.
- Entman, R. M. (2007). Framing bias: Media in the distribution of power. *Journal of Communication, 57*(1).
- Faridah Ibrahim. (2003). Falsafah dan etika kewartawanan di Malaysia: Antara tuntutan profesionalisme dan kepentingan industri. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 19*, 59-78.
- Flanagin, A. J., & Metzger, M. J. (2000). Perceptions of internet information credibility. *Journalism and Mass Communication Quarterly, 77*(3), 515–540.
- Fong, Y. L., Ponnann, R., & De Rycker, A. (2020). Different countries, different perspectives: A comparative analysis of the South China Sea disputes coverage by Malaysian and Chinese newspapers. *China Report, 56*(1), 39-59.
- Galvis, Á. F., Snyder Jr, J. M., & Song, B. K. (2016). Newspaper market structure and behavior: Partisan coverage of political scandals in the United States from 1870 to 1910. *The Journal of Politics, 78*(2), 368-381.
- Garz, M. (2014). Good news and bad news: Evidence of media bias in unemployment reports. *Public Choice, 161*(3), 499-515.
- Gerth, M. A., & Siegert, G. (2012). Patterns of consistence and constriction: How news media frame the coverage of direct democratic campaigns. *American Behavioral Scientist, 56*(3), 279-299.
- Goncalves, J. (2017). Status quo bias in the mainstream American media coverage of Senator Bernie Sanders. *SUURJ: Seattle University Undergraduate Research Journal, 1*(6).
- Gentzkow, M., Shapiro, J. M., & Stone, D. F. (2015). Chapter 14 - Media bias in the marketplace: Theory. In S. P. Anderson, J. Waldfogel, & D. Strömberg (Eds.), *Handbook of media economics* (Vol. 1, pp. 623-645). North-Holland.
- Gentzkow, M., & Shapiro, J. M. (2006). Media bias and reputation. *Journal of Political Economy, 114*(2), 280-316.
- Gomez, J. (2014). Media and elections in Asia: The changing role in coverage and control. *Asia Pacific Media Educator, 24*(1), 1–5.
- Grabe, M. E., & Bucy, E. P. (2009). *Image bite politics: News and the visual framing of elections*. Oxford University Press.
- Groseclose, T., & Milyo, J. (2005). A measure of media bias. *Quarterly Journal of Economics, 120*(4), 1191-1237.
- Hamdan Adnan. (1990). Developments and trends in Malaysia rural media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 6*, 71-81.
- Hamborg, F., Donnay, K., & Gipp, B. (2019). Automated identification of media bias in news articles: an interdisciplinary literature review. *International Journal on Digital Libraries, 20*(4), 391-415.
- Helman, E., Graber, E. C., Hoffman, L. H., & Gaertner, S. L. (2012). Warmth and competence: A content analysis of photographs depicting American presidents. *Psychology of Popular Media Culture, 1*(1), 46.
- Kenney, K., & Simpson, C. (1993). Was coverage of the 1988 Presidential Race by Washington's two major dailies biased? *Journalism Quarterly, 70*(2), 345-355.

- Klepka, R. (2019). Media political bias: In search of conceptualization. *Athenaeum. Polskie Studia Politologiczne*, 64, 155-168.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Sage publications.
- Larcinese, V., Puglisi, R., & Snyder Jr, J. M. (2011). Partisan bias in economic news: Evidence on the agenda-setting behavior of US newspapers. *Journal of Public Economics*, 95(9-10), 1178-1189.
- Lichter, S. R. (2017). Theories of media bias. In K. Kenski & K. H. Jamieson (Eds.), *The Oxford handbook of political communication* (Chap. 29, p. 403). New York: Oxford University Press.
- Lumsden, L. J. (2013). How independent? An analysis of GE13 coverage by Malaysia's online news portal coverage. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 1-30.
- McLuhan, M., & Powers, B. R. (1989). *The global village: Transformations in world life and media in the 21st century*. Oxford University Press.
- McQuail, D. (2010). *McQuail's mass communication theory*. Sage publications.
- Meri, A., & Ting, L. K. (2020). Eksplorasi Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita dalam kalangan Remaja di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 95-103.
- Mullainathan, S., & Shleifer, A. (2005). The market for news. *American Economic Review*, 95(4), 1031-1053.
- Muhammad Izawan Baharin, & Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2020). Framing analyses of Malaysia's media outlets and editorial decisions concerning frame preferences after the 2008 General Election. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 28(2), 1311-1334.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. 2014. Malaysia's 13th general election: Political partisanship in the mainstream print media. *Asia Pacific Media Educator*, 24(1), 61-75.
- Nain, Z. (2020). *Reuters Institute digital news report 2020*. Reuters Institute; University of Oxford.
- Nain, Z. (2021). *Reuters Institute digital news report 2021*. Reuters Institute; University of Oxford.
- Netto, A. (2002). Media freedom in Malaysia: The challenge facing civil society. *Media Asia*, 29(1), 17-23.
- Neuendorf, K. A., & Skalski, P. D. (2009). Quantitative content analysis and the measurement of collective identity. In R. Abdelal, Y. M. Herrera, A. I. Johnston, & R. Mcdermott (Eds.), *Measuring identity: A Guide For Social Scientists* (pp. 203-236). Cambridge University Press.
- Nur Ellyanis Mohd Basori, & Junaidi Awang Besar. (2020). Pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia. *e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(5), 62-80.
- Nuurrianti Jalli. (2020). Exploring the influence of citizen journalism content on the Malaysian Political Landscape. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 38(1), 67-88.
- Omar, F. I., Rahim, S. A., & Salman, A. (2015). Penyertaan digital dan ciri keusahawanan dalam pemerkasaan usahawan wanita di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 241-256.
- Otero, V. (2018). Interactive media bias chart. *Ad Fontes Media*.

- Othman Talib. (2013). *Asas penulisan tesis, penyelidikan dan statistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Puglisi, R. (2011). Being the New York Times: The political behaviour of a newspaper. *The B.E. Journal of Economic Analysis & Policy*, 11(1), 20-20.
- Puglisi, R., & Snyder Jr, J. M. (2015a). Empirical studies of media bias. In S. P. Anderson, J. Waldfogel, & D. Strömberg (Eds.), *Handbook of media economics* (Vol. 1, pp. 647-667). North-Holland.
- Puglisi, R., & Snyder Jr, J. M. (2015b). The balanced US press. *Journal of the European Economic Association*, 13(2), 240-264.
- Qin, B., Strömberg, D., & Wu, Y. (2018). Media bias in China. *American Economic Review*, 108(9), 2442-2476.
- Roza, C. H. C., & Hassan, H. (2020). Strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana ilmiah. *LSP International Journal*, 7(2), 139–153.
- Sannusi, S. N., & Mustaffa, N. (2015). Digital version newspaper: implication towards printed newspaper circulation in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 687–701.
- Salkind, N. J. (Ed.). (2010). *Encyclopedia of research design* (Vol. 1). SAGE.
- Siti Noranizahafizah Boyman. (2021). Pilihan Raya Negeri Melaka 2021: Cerminan Pilihan Raya Umum 15? *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 48(3), 105-126.
- Waldman, P., & Devitt, J. (1998). Newspaper photographs and the 1996 presidential election: The question of bias. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 75(2), 302-311.
- Wong Kok Keong. (2001). Unfair coverage: A look at the mainstream media's bias in the 1999 General Election. *Aliran Monthly*, 2(1), 15-17.
- Wong Kok Keong. (2004). Asian-based development journalism and political elections: Press coverage of the 1999 General Elections in Malaysia. *Gazette: The International Journal for Communication Studies*, 6(1), 25–40.
- Wong Kok Keong. (2017). Whither objective journalism in digital age: Malaysia's mainstream versus alternative media. *Media Watch*, 8(1), 30-43.